

21/06/1999

19 perkara bezakan Umno, Pas

hari Ariff; Mona Ahmad; Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno supaya tidak takut dengan Pas yang sering melaung-laungkan perjuangan Islam kerana jelas terbukti Umno adalah parti yang sebenarnya berpegang kepada Islam.

Dengan menyenaraikan 19 perkara yang membezakan Umno dengan Pas, Presiden Umno berkata, Umno perlu melawan dan berhujah dengan Pas secara habis-habisan.

Perbezaan itu, kata Perdana Menteri ialah:

- * Umno mahukan perpaduan, Pas mahukan perpecahan;
- * Umno berjuang untuk capai kemerdekaan, Pas menolak kemerdekaan;
- * Umno menganggap semua Melayu adalah Islam, Pas berkata hanya mereka yang menjadi ahli Pas adalah Islam;
- * Umno adalah parti yang sederhana, Pas parti yang keterlaluan;
- * Umno menjadikan Islam agama yang dianuti, Pas menjadikan Islam sebagai alat untuk kepentingan parti;
- * Umno berpegang pada janji, Pas memungkiri janji;
- * Umno mengutamakan iman, Pas mengutamakan penampilan Islam;
- * Umno bertindak untuk pembangunan Islam, Pas hanya bercakap;
- * Umno kata mesti setia pada parti, Pas kata mesti fanatik pada parti;
- * Umno mengutamakan kebenaran, Pas mengutamakan fitnah;
- * Umno mengutamakan kesopanan dalam bertutur kata, Pas tidak sopan, memaki dan mencarut;
- * Umno mengamalkan fardu ain dan kifayah, Pas amalkan fardu ain sahaja;
- * Umno meminta pertahankan negara, Pas utamakan ibadat untuk diri sendiri semata-mata;
- * Umno tidak membabitkan sosial dan politik dalam parti, Pas mencampur-adukkan sosial dan politik;
- * Umno berpegang pada tafsiran agama yang konsisten, Pas menukar-nukar mengikut selera dan masa;
- * Umno mendirikan masjid untuk mengembangkan Islam dan merapatkan orang Islam, Pas menggunakan masjid untuk melempar tuduhan dan menyakitkan hati orang Islam lain;
- * Umno mengutamakan pegangan dan amalan Islam sebenar, Pas utamakan rupa Islam semata-mata;
- * Umno sentiasa bersyukur dengan kehormatan dan kehidupan mewah yang dikecapi, Pas tidak pernah bersyukur; dan
- * Umno tahu berterima kasih, Pas tidak tahu berterima kasih.

Presiden Umno itu berkata, perbezaan itu jelas menunjukkan bahawa Umno adalah parti yang benar-benar berpegang kepada Islam berbanding Pas yang hanya tahu melaung-laungkan ajaran Islam tetapi tidak mengamalkannya.

(END)